

30 MAR 2001

Mahathir-Umno

JANGAN TIMBUL MASALAH JIKA TIDAK DIPILIH, KATA DR MAHATHIR

BAHAU, 30 Mac (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata, anggota Umno yang tidak mendapat pencalonan secukupnya untuk bertanding dalam pemilihan parti peringkat bahagian pada bulan depan harus menerima hakikat itu dan tidak menimbulkan masalah kepada parti.

"Kalau kita tak dicalonkan, kita tak jadi calonlah. Sepatutnya kalau kita tak dicalon, jangan timbulkan masalah," katanya kepada pemberita selepas mengadakan perjumpaan tertutup dengan Umno bahagian Jempol dan Jelebu di Dewan Besar Kompleks Pejabat Kerajaan Daerah Jempol di Bandar Baru Serting dekat sini.

Dr Mahathir yang juga Presiden Umno mengulas tindakan anggota Dewan Undangan Negeri (DUN) Beserah, Datuk Fauzi Abdul Rahman yang menyatakan hasrat untuk meletakkan jawatan sebagai anggota DUN Beserah.

Semalam, Fauzi, 55, dilaporkan berkata tindakannya untuk melepaskan kerusi DUN Beserah itu dibuat setelah mendapati majoriti cawangan Umno di Beserah tidak mencalonkan beliau untuk mempertahankan jawatan sebagai Ketua Umno Bahagian Kuantan pada pemilihan bulan depan.

Menurut pejabat Umno bahagian Kuantan, Fauzi setakat ini hanya menerima pencalonan daripada sembilan cawangan berbanding naib ketua bahagian Datuk Faisal Abdullah (29 pencalonan) dan Timbalan Ketua Datuk Wan Adnan Wan Mamat (20 pencalonan).

Fauzi juga membuat laporan polis terhadap Setiausaha Agung Umno Tan Sri Khalil Yaakob yang didakwa melakukan beberapa kesalahan semasa memegang jawatan Menteri Besar Pahang.

Dr Mahathir berkata, beliau belum menerima salinan laporan polis yang dibuat oleh Fauzi.

Ditanya apakah tindakan selanjut Umno ekoran tindakan Fauzi itu, beliau berkata: "kita nak tengok apa asas laporan polis itu, berasas ataupun tidak".

Umno akan hanya menangani masalah dalaman parti dan tidak akan campurtangan dalam masalah luaran Umno, katanya.

Perdana Menteri berkata beliau telah dimaklumkan oleh Khalil mengenai segala tindakan yang diambil oleh Fauzi.

Ditanya apakah kedudukan Khalil berikutan laporan polis yang dibuat itu: "Tak ada apa... biasa sahaja".

Menjawab pertanyaan sama ada semua ini akan menjejaskan kedudukan Umno: "Kita tengoklah, yang ni dia nampak tak ada sokongan, jadi dia berasa kecewalah.

Ditanya pendapat peribadinya mengenai hasrat Fauzi untuk meletakkan jawatan Adun Beserah, katanya, perkara itu akan difikirkan selepas surat mengennainya diterima.

Mengenai amanat Haji Abdul Hadi Awang yang menimbulkan kekeliruan dan menyebabkan ramai penyokong PAS menganggap anggota Umno kafir, Dr Mahathir berkata kerajaan akan mengkaji secara mendalam undang-undang yang berkaitan untuk tindakan selanjutnya.

Ditanya sama ada tindakan yang bakal diambil itu terhadap PAS atau Abdul Hadi beliau berkata: "Perkara itu juga sedang dikaji".

Perdana Menteri berkata lawatannya ke Negeri Sembilan bertujuan menerangkan isu-isu semasa kepada para pemimpin Umno dan betapa pentingnya semua orang Umno memperkuat parti dalam politik negara.

"Ia juga bertujuan menjelaskan sedalam-dalamnya masalah yang dihadapi

oleh negara sekarang, termasuklah fatwa yang baru dibuat, apakah maknanya dan apa yang boleh dibuat oleh kerajaan," katanya.

Beliau merujuk kepada fatwa yang diputuskan oleh Majlis Raja-raja baru-baru ini berhubung penggunaan perkataan "Islam" oleh pertubuhan termasuk parti politik, isu mengkafir dan isu menjanjikan syurga oleh pihak tertentu.

-- BERNAMA

APG AFY MAM PR